Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, 24 April, 2024 3:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PESTA BUKU UTARA 2024 KEMBALI LAGI

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

24 APRIL 2024 / 15 SYAWAL 1445H
==========

Oleh: Mohammad Amzari Bakri
Gambar oleh: UUM Press

PESTA BUKU UTARA 2024 KEMBALI LAGI

RONDA MAI!


LAMAN NIAGA
Pesta Buku Utara 2024

27-30 April 2024

9 pagi - 10 malam

Dataran Perdana UUM

Tema: *KLASIK*



PBU24
PESTA BUKU UTARA

Pelbagai Vendor Menarik:

STREET FOODS • COFFEE • DESSERT
THRIFT • ACCESSORIES • ARTS • FLOWERS

UUM ONLINE: Setelah empat tahun tidak memunculkan diri, Pesta Buku Utara (PBU) 2024 edisi ke-11 akhirnya kembali lagi bagi memeriahkan lagi suasana di Universiti Utara Malaysia (UUM) mulai 27 hingga 30 April ini.

Program anjuran UUM Press ini akan diadakan di Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) mulai jam 9:00 pagi hingga 6:00 petang dengan rakan kerjasama Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Rakan Siswa YADIM.

Edisi penganjuran kali ini menampilkan kelainan dengan dua konsep iaitu jualan buku serta jualan makan dan minum pula di Laman Niaga yang terletak di Dataran Perdana.

Sebanyak 32 penerbit/syarikat penerbitan akan mengambil bahagian dalam PBU kali ini yang turut di sertai 11 penerbit Majlis Penerbitan Ilmiah (MAPIM). Pelbagai genre penerbitan bakal disajikan yang akan menanti peminat buku dan pencinta ilmu.

Bagi memeriahkan lagi program, 22 program sampingan telah diatur antaranya forum, bengkel menulis buku, ceramah, pertandingan bercerita, deklamasi sajak dan banyak lagi.

PBU 2024 ini terbuka kepada semua khususnya masyarakat sekitar di kawasan utara bagi memeriahkan program yang dianjurkan sempena Sambutan 40 Tahun UUM pada 16 Februari lalu.

Turut serta tahun ini, BDB Land yang akan membuat pameran perumahan dan Bahagian Pemasaran Akademik UUM yang akan mempromosikan Program Akademik kepada pengunjung yang hadir.

Kali terakhir Pesta Buku Utara dianjurkan adalah pada Februari 2020 sebelum pandemik Covid-19 bermula.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.